



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMINJAMAN LEKSIKAL BAHASA INGGERIS
DALAM PERISTILAHAN EKONOMI : ANALISIS
KAEDAH DAN ASPEK PEMINJAMAN ISTILAH**

AMIR IMRAN BIN JAMIL

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA
GUNAAN (KEPUJIAN) BAHASA MELAYU
KOMUNIKASI PROFESIONAL**

JUN 2016



JABATAN PENGAJIAN MELAYU

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

**PEMINJAMAN LEKSIKAL BAHASA INGGERIS DALAM PERISTILAHAN
EKONOMI : ANALISIS KAEDEAH DAN ASPEK PEMINJAMAN ISTILAH**

DISEDIAKAN OLEH

AMIR IMRAN BIN JAMIL

2013605056

Penulisan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional pada sesi Julai 2015/2016.

Penyelia

Tarikh

Tarikh

PENGAKUAN

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Penulisan Ilmiah ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia merupakan karya yang asli dah dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya. Penulisan Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Penulisan Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenepikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi MARA.

Nama : Amir Imran bin Jamil

No. Pelajar : 2013605056

Program : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian)
Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa

Tajuk : Peminjaman Leksikal Bahasa Inggeris dalam Peristilahan
Ekonomi : Analisis Kaedah dan Aspek Peminjaman Istilah

Tandatangan :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyempurnakan penulisan ilmiah saya ini tepat pada masanya iaitu pada tahun 2016 sebagai memenuhi syarat pengijazahan di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini. Atas nama cinta, kasih dan sayang Allah jualah saya sentiasa diberikan kekuatan untuk menempuh segala halangan dan juga rintangan sepanjang menyiapkan penulisan ilmiah ini. Sempurnanya penulisan ilmiah ini tidak bermakna segalagalanya sudah berakhir, hakikatnya perjalanan untuk menuntut ilmu itu tidak pernah terhenti dan juga tidak akan pernah menemui titik noktahnya selagi hayat dikandung badan.

Sebenarnya, disebalik keberhasilan penulisan ilmiah ini, teguh berdiri insan-insan yang sudi menjadi tulang belakang yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan kepada saya. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Encik Jamil bin Haji Mohd Isa dan juga Puan Habsah binti Abdullah. Doa kalianlah yang telah mengiringi perjalanan dan perjuangan anakanda dalam medan menuntut ilmu ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga tujukan kepada adik-beradik serta ahli keluarga yang lain.

Ucapan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih juga saya rakamkan dan lakarkan setulusnya kepada penyelia saya, iaitu Puan Noriza Daud dan Puan Umaimah binti Kamarulzaman yang merupakan pensyarah yang amat saya kagumi. Mereka juga telah banyak memberikan bantuan, tunjuk ajar, bimbingan, panduan dan juga dorongan kepada saya dalam menyiapkan penulisan ilmiah saya ini. Jasa mereka akan saya kenang sehingga akhir hayat dan semoga Allah S.W.T sentiasa melindungi dan mengurniakan keberkatan hidup kepada mereka serta keluarganya.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan rasa terima kasih saya kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sudi memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa mereka, saya tidak mampu untuk menjalankan kajian saya ini dengan sebaik-baiknya.

Akhir sekali, adalah kurang berbahasa diri saya ini jika tidak tahu untuk mengucapkan rasa terima kasih kepada pihak UiTM sendiri yang telah membantu saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah saya ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, terutama sekali kepada pihak Akademi Pengajian Bahasa. Akhir kata daripada saya, UiTM DIHATIKU selamanya.

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(UiTM), SELANGOR

NO 24, JALAN MELATI,
KG. SG. TUA BAHARU,
68100 BATU CAVES,
SELANGOR DARUL EHSAN.

ABSTRAK

Unsur-unsur bahasa asing dikatakan telah lama meresap masuk ke dalam bahasa Melayu sebelum pembukaan Tanah Melayu lagi. Bahasa asing juga kini masih digunakan dalam semua bidang, seperti pendidikan, undang-undang, dan sebagainya. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peminjaman leksikal bahasa Inggeris dalam peristilahan ekonomi iaitu dalam Buku Panduan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Penganalisisan terhadap buku panduan GST ini adalah berdasarkan kerangka konsep bagi kaedah peminjaman istilah bahasa Inggeris yang dikemukakan oleh Buku Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2005), dan Aspek Peminjaman Istilah Bahasa Inggeris yang digariskan dalam Teori Aspek Peminjaman Bahasa oleh Yule (1996). Melalui kaedah peminjaman istilah bahasa Inggeris, kaedah pinjaman tulen tanpa asimilasi merupakan kaedah peminjaman yang paling kerap digunakan dalam data yang kaji. Peminjaman bahasa Inggeris dalam data kajian juga turut memberi kesan kepada perubahan struktur suku kata, perubahan kepada jumlah struktur suku kata dan perubahan terhadap sistem bunyi.